



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 296/85

### PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN KEPEKATAN PLUMBUM DALAM GASOLIN MOTOR) 1985

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

11 Julai 1985

Tarikh mula berkuatkuasa :

12 Julai 1985

---

#### SUSUNAN PERATURAN

---

#### [Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama.](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran.](#)
- Peraturan 3. [Sekatan mengimport atau mengilang.](#)
- Peraturan 4. [Sekatan memilik, dsb.](#)
- Peraturan 5. [Sekatan mengimport dsb.](#)
- Peraturan 6. [Mengilang untuk eksport.](#)
- Peraturan 7. [Pengecualian daripada memberi notis.](#)
- Peraturan 8. [Pegawai berkuasa menunjukkan pengenalan dan mengeluarkan resit.](#)
- Peraturan 9. [Prosedur pengambilan, percontohan dan penganalisan.](#)
- Peraturan 10. [Menghalang pegawai berkuasa.](#)
- Peraturan 11. [Lesen dikehendaki untuk melanggar syarat-syarat.](#)
- Peraturan 12. [Pemberian lesen.](#)
- Peraturan 13. [Kesalahan yang boleh dikompaun.](#)
- Peraturan 14. [Fee yang kena dibayar.](#)

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

SENARAI PINDAAN

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **Peraturan 1. Nama.**

Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985.**

### **Peraturan 2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"pegawai berkuasa" ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta itu atau mana-mana pegawai lain yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 49 Akta itu.

### **Peraturan 3. Sekatan mengimport atau mengilang.**

Tiada seorang pun boleh mengimport atau mengilang apa-apa jenis gasolin motor yang mengandungi plumbum atau sebatian plumbum melebihi 0.40 gram dalam satu liter pada dan selepas tarikh berikutan tarikh tersiarnya Peraturan-Peraturan ini dalam *Warta*.

### **Peraturan 4. Sekatan memiliki, dsb.**

Tiada seorang pun boleh memiliki, memberi, menawar atau mempamer untuk jualan, menjual, menghantar untuk digunakan atau menukar untuk digunakan apa-apa jenis gasolin motor yang mengandungi plumbum atau sebatian melebihi 0.40 gram dalam satu liter pada dan selepas 1hb Januari 1986.

## **Peraturan 5. Sekatan mengimport dsb.**

Walau apapun peruntukan-peruntukan dalam peraturan 3 dan 4, tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang, memiliki, memberi, menawar atau mempamer untuk jualan, menjual, menghantar untuk digunakan atau menukar untuk digunakan apa-apa jenis gasolin motor yang mengandungi plumbum atau sebatian plumbum yang melebihi 0.15 gram dalam satu liter pada dan selepas 1hb Januari 1990.

## **Peraturan 6. Mengilang untuk eksport.**

Peraturan 3, 4 dan 5 tidak terpakai jika gasolin motor itu dikilang untuk dieksport ke luar Malaysia, dengan syarat Ketua Pengarah diberi notis terlebih dahulu tentang tarikh mengilang, kuantitinya, tempat disimpan, nama pelanggan dan tarikh dijangka dieksport.

## **Peraturan 7. Pengecualian daripada memberi notis.**

(1) Bagi tujuan mendapatkan pengecualian di bawah peraturan 6, Ketua Pengarah boleh menetapkan suatu prosedur merekod untuk diikuti oleh pengilang.

(2) Jika permohonan telah dibuat kepada Ketua Pengarah oleh pengilang untuk menggunakan prosedur tersebut, keperluan memberi notis terlebih dahulu sebagaimana ditetapkan di bawah peraturan 6 bolehlah dikecualikan.

## **Peraturan 8. Pegawai berkuasa menunjukkan pengenalan dan mengeluarkan resit.**

Tiap-tiap pegawai berkuasa hendaklah menunjukkan pengenalan sebelum mengambil contoh gasolin motor dan hendaklah mengeluarkan resit bagi kuantiti contoh yang diambil itu.

## **Peraturan 9. Prosedur pengambilan, percontohan dan penganalisaan.**

Bagi maksud menentukan kandungan plumbum yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini, gasolin motor itu hendaklah diambil, dipercontohi dan dianalisisakan menurut prosedur yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

## **Peraturan 10. Menghalang pegawai berkuasa.**

Tiada seorang pun boleh menghalang atau melambat-lambatkan mana-mana pegawai berkuasa dalam menjalankan tugasnya untuk mengambil dan mengambil contoh di bawah peraturan 8.

## **Peraturan 11. Lesen dikehendaki untuk melanggar syarat-syarat.**

Tidak seorang pun boleh, melainkan dilesenkan, melanggar syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan 3, 4 dan 5.

## **Peraturan 12. Pemberian lesen.**

(1) Jika Ketua Pengarah berpuashati bahawa-

(a) (i) gasolin motor dengan kandungan plumbum yang lebih tinggi diperlukan untuk penyiasatan atau penyelidikan yang berkaitan dengan masalah pencemaran; atau

(ii) gasolin motor dengan kandungan plumbum yang lebih tinggi dikehendaki untuk pengendalian kenderaan tertentu bagi tujuan reli atau perlumbaan kereta; atau

(iii) gasolin motor dengan kandungan plumbum yang lebih tinggi dikehendaki untuk penggunaan tertentu yang pada pendapat Ketua Pengarah tidak bertentangan dengan maksud dan tujuan Peraturan-Peraturan ini; dan

(b) bahawa penggunaan gasolin motor tersebut adalah terhad kepada segmen alam sekeliling yang kecil dan dalam satu tempoh di mana paras pertambahan plumbum tidak mungkin menyebabkan kesan berlawanan ke atas alam sekeliling.

dia boleh mengeluarkan lesen melanggar syarat-syarat dalam peraturan 3, 4 atau 5.

(2) Permohonan untuk lesen tersebut hendaklah dibuat dalam borang-borang sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 13. Kesalahan yang boleh dikompaun.**

Kesalahan-kesalahan terhadap peraturan 3, 4, 5 dan 10 adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara khusus oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 14. Fee yang kena dibayar.**

(1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah peraturan 12 hendaklah disertai dengan fee yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dengan syarat fee itu tidak diperlukan berkenaan dengan loji, kemudahan-kemudahan atau kenderaan-kenderaan yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

(2) Pembayaran fee hendaklah dibuat secara tunai, kiriman pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah yang akan mengeluarkan resit apabila bayaran dijelaskan.

## JADUAL PERTAMA.

### PROSEDUR KUTIPAN, PERCONTOHAN DAN ANALISA

(Peraturan 9)

Parameter	Aturan
Kepekatan Plumbum	Piawaian Malaysia MS 118 dan MS 912 atau ASTM D3341

ASTM - American Society for Testing and Materials, USA.

## JADUAL KEDUA.

### FEE YANG KENA DIBAYAR UNTUK MENDAPATKAN LESEN

(Peraturan 14)

1. Permohonan di bawah peraturan 12 (1) (a) (i) dan 12 (1) (a) (iii) - RM300.00
2. Permohonan di bawah peraturan 12 (1) (a) (ii) - RM500.00

Diperbuat pada 27hb Jun 1985.

[KST & AS. (U) 902/JAS/2/2; PN. (PU<sup>2</sup>) 280 / II.]

DATUK AMAR STEPHEN K.T.YONG,  
*Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa  
dari*

Akta 160

Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975

**Copyrights Reserved** □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD